## #SEBELUMKELUARRUMAH KEMPEN | TERMA DAN SYARAT

Versi 1.0

**Maklumat Kempen**

| | |
|---|---|
| **Tujuan Kempen** | ▪ Kempen ini bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia memastikan kereta persendirian mereka berada dalam keadaan yang baik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Permulihan (PKPP) dan bersedia untuk digunakan untuk kembali bekerja selepas tempoh PKPP. |
| **Tempoh Kempen** | ▪ 16 Mei - 30 Jun 2020. |
| **Kelayakan Kempen** | ▪ Terbuka untuk semua pelanggan dan bukan pelanggan Etiqa.<br>▪ Hanya individu yang memiliki kenderaan persendirian (tidak termasuk motosikal dan kenderaan bukan atas jalan) layak menyertai kempen ini. |
| **Saluran Penyertaan** | ▪ Tempahan untuk servis ini hanya boleh dilakukan melalui Etiqa Live Chat. |
| **Rakan Servis** | ▪ Kempen ini adalah kerjasama di antara pihak Etiqa dan Bplaz. |

**Tawaran Promosi Kempen**



1) *PERCUMA Jump Start / Servis Bateri*
2) *Penghantaran, pemeriksaan dan pemasangan bateri adalah PERCUMA.*
3) *% Diskaun untuk pembelian bateri.**
4) *% Diskaun untuk servis penukaran minyak enjin.**

**Nota: Bergantung kepada stok produk dari Rakan Servis.*

**Terma & Syarat Kempen**

| | |
|---|---|
| **Syarat Am** | ▪ Kempen ini dianjurkan oleh Etiqa bermula dari 16 Mei sehingga 30 Jun 2020. Etiqa mungkin akan bekerjasama dengan beberapa rakan servis bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.<br>▪ Kempen terbuka kepada pelanggan sedia ada Etiqa (pelanggan dengan sebarang pelan Etiqa) dan juga kepada yang belum melanggan dengan Etiqa.<br>▪ Tawaran ini sah melalui 'Live Chat' Etiqa sahaja dan bukan dari saluran lain.<br>▪ Hanya individu yang mempunyai kenderaan persendirian (tidak termasuk motosikal dan kenderaan bukan atas jalan) layak menyertai kempen ini. |

| | |
|---|---|
| **Tempahan** | ▪ Anda diminta untuk membuat tempahan melalui 'Live Chat' www.eti.qa/livechat dan seterusnya rakan servis kami akan menghubungi anda untuk mengatur urusan perkhidmatan yang diperlukan.<br><br> |
| **Servis 'Jump Start'** | ▪ *Perkhidmatan '***Jump start'* **percuma** adalah **terhad kepada 5,000 permohonan pertama** untuk individu bukan pelanggan Etiqa dan pelanggan Etiqa yang tidak memiliki pelan Motor Etiqa. Perkhidmatan ini adalah tiada had kepada pelanggan Etiqa yang mempunyai pelan Motor Etiqa.<br><br>▪ Untuk individu bukan pelanggan Etiqa atau pelanggan Etiqa yang tidak memiliki pelan Motor Etiqa, perkhidmatan *'Jump start'* percuma hanya diberikan untuk perkhidmatan kali pertama sahaja dan caj sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas permintaan berikutnya.<br><br>▪ Sebarang masalah atau penyelenggaraan lain yang disyorkan oleh juruteknik setelah pemeriksaan 'jump start' akan diuruskan oleh rakan servis kami dan sebarang kos tambahan akan ditanggung oleh pelanggan atau individu tersebut.<br><br>*Nota: *Perkhidmatan 'Jump start' percuma adalah tertakluk kepada pengesahan daripada. Wakil pusat panggilan kami dan/ atau rakan* servis *kami.*<br><br>*(Sila sedia maklum untuk pelanggan Etiqa, khidmat tunda kenderaan bergantung kepada kelayakan manfaat polisi/sijil pelanggan dan untuk yang bukan pelanggan Etiqa, kos tunda kenderaan akan ditanggung oleh pelanggan* atau individu tersebut.*)* |

**Lain-lain Servis**

- Pelanggan Etiqa sedia ada dan juga yang bukan pelanggan Etiqa berhak mendapat diskaun bateri dan diskaun sekerap (diskaun pertukaran untuk bateri lama) seperti berikut:

| Nama Produk | Jenis | Jenama | Harga (Tanpa sekerap) | Diskaun | Diskaun Sekerap | % | Harga dengan Sekerap |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| NS40ZL (38B19L) | MF | Varta Black | 228.00 | 10.00 | 20.00 | 13.16 | 198.00 |
| NS60R/L (46B24L/R) | MF | Varta Black | 253.00 | 20.00 | 20.00 | 15.81 | 213.00 |
| NS70R/L (75D26L/R) | MF | Varta Black | 358.00 | 38.00 | 20.00 | 16.20 | 300.00 |
| 55D23L | MF | Varta Black | 348.00 | 28.00 | 20.00 | 13.79 | 300.00 |
| 75D23L (OPEN TOP) | MF | Varta Black | 368.00 | 28.00 | 20.00 | 13.04 | 320.00 |
| NX120-7R/L (95D31R/L) | MF | Varta Black | 423.00 | 33.00 | 20.00 | 12.53 | 370.00 |
| NS60R/L (65B24L/R) | MF | Varta Blue | 283.00 | 13.00 | 20.00 | 11.66 | 250.00 |
| DIN55L/R (55530/55548) | MF | Varta Blue | 338.00 | 20.00 | 20.00 | 11.83 | 298.00 |
| Q85 (11523L) | EFB | Varta Silver | 553.00 | 33.00 | 20.00 | 9.58 | 500.00 |
| M42L | EFB | Varta Silver | 393.00 | 33.00 | 20.00 | 13.49 | 340.00 |

*Harga Promosi adalah untuk produk di atas sahaja.*

- Servis Minyak Enjin (tiada had):

| Nama Produk | % |
|---|---|
| Minyak Enjin + Upah Tukar + Penapis Minyak | 5.00 |

*Harga akan berbeza mengikut rakan servis yang berkenaan.*

- Rakan servis Etiqa akan memberi nasihat berserta cadangan perkhidmatan dan memberikan sebutharga kepada anda sebelum memulakan servis.

- Diskaun untuk servis penukaran minyak enjin adalah terpakai ~~layak~~ untuk kedua-dua jenis minyak, sintetik atau bukan sintetik.

**Cara Pembayaran**

- Kami menerima pembayaran secara tunai, FPX atas talian, kad kredit dan Boost (e-wallet).